

PERUTUSAN Pengerusi
Yang Berusaha Tuan Khairul Amir
Bin Mohamad Zubir
Yang Dipertua Majlis Perbandaran Taiping
Untuk Mesyuarat Tujuan-Tujuan AM
Bil 6/2020 pada 21 Disember 2020

Bismillahirrahmanirrahim,

Assalamualaikum Warahmatullahi Wabarakatuh dan Salam
Sejahtera.

Yang Berusaha Setiausaha Majlis Perbandaran Taiping,

Yang Bahagia Dato' / Datin / Tuan / Puan,

Ahli-Ahli Majlis, Majlis Perbandaran Taiping

Ketua-ketua Jabatan / Bahagian

Majlis Perbandaran Taiping

YBhg Dato' / Datin / Tuan / Puan,

- i. Pertama, syukur kita ke hadrat Allah S.W.T kerana dengan izin-Nya, kita dapat berkumpul dan bertemu pada pagi yang mulia ini, bagi menghadiri Mesyuarat Jawatankuasa Tujuan-tujuan Am pada kali ke 6 bagi tahun 2020 dan merupakan Mesyuarat Jawatankuasa Tujuan-tujuan Am yang terakhir bagi tahun ini.

- ii. Dikesempatan ini, saya berharap Ahli-ahli Majlis dan Ketua-ketua Jabatan dan Bahagian mengamalkan norma baharu dan mematuhi SOP yang telah ditetapkan semasa mesyuarat bagi tujuan meleraikan rantai penularan wabak pandemik COVID-19.
- iii. YBhg. Dato' / Tuan / Puan, berikut adalah beberapa perkara untuk perhatian dan makluman semua.

1.0 UCAPAN TAHNIAH KEPADA YAB MENTERI BESAR PERAK

Majlis Perbandaran Taiping mengucapkan setinggi-tinggi tahniah kepada YAB Datuk Saarani Mohamad di atas limpah perkenan Duli Yang Maha Mulia Sultan Perak Darul Ridzuan atas pelantikannya sebagai Menteri Besar Perak Darul Ridzuan yang ke 14 pada 10 Disember 2020.

Majlis Perbandaran Taiping juga mengucapkan setinggi-tinggi penghargaan kepada mantan YAB Menteri Besar Perak Darul Ridzuan, YB Dato' Seri Ahmad Faizal Dato' Azumu yang telah

melaksanakan tugas sebagai Menteri Besar Perak Darul Ridzuan yang ke 12 dan ke 13 sejak 12 Mei 2018 hingga 4 Disember 2020.

2.0 BELANJAWAN NEGERI PERAK 2021

Majlis Perbandaran Taiping menyambut baik Belanjawan Negeri Perak Tahun 2021 yang telah dibentangkan oleh YAB Datuk Saarani Mohamad, Menteri Besar Perak pada 16 Disember 2020. Bertemakan “**Perak Negeri Berdaya Tahan, Mampan dan Inklusif**” terus kekal menjadi tema belanjawan tahun 2021. Pemilihan tema ini menunjukkan Kerajaan Negeri Perak meneruskan kesinambungan perancangan pembangunan yang telah dilaksanakan pada tahun ini.

Berdasarkan Belanjawan Negeri Perak Tahun 2021, Majlis Perbandaran Taiping turut mendapat manfaat khususnya di Sektor Pelancongan; RM 1 juta disediakan kepada Pengurusan Pusat Peranginan Bukit Larut; RM 0.3 juta disediakan kepada pengurusan Taman Botani Perak, Taiping; dan daripada RM

4.4 juta diperuntukkan untuk menaiktaraf serta menyelenggara kemudahan pelancongan di seluruh Negeri Perak sejumlah peruntukan bagi menaiktaraf serta menyelenggara kemudahan Zoo Taiping & Night Safari juga diberikan bagi meningkatkan tahap kepuasan pelancong.

Kerajaan Negeri juga turut mengakui akan sumbangan dan komitmen penjawat awam yang menjalankan tugas dan amanah tanpa mengira waktu. Sebagai penghargaan, pembayaran Bantuan Khas Kewangan (BKK) sebulan gaji kepada semua penjawat awam Negeri dan dibayar pada akhir bulan Disember 2020. Saya mewakili Majlis Perbandaran Taiping merakamkan ucapan terima kasih atas keprihatinan Kerajaan Negeri Perak.

3.0 PROGRAM BACK TO SCHOOL 2021

Seiring langkah membantu mengurangkan beban keluarga yang kurang berkemampuan ketika keadaan ekonomi yang tidak menentu, Majlis Perbandaran Taiping mengadakan

Program “*Back to School*” bertujuan membantu pelajar sekolah yang tergolong dalam keluarga miskin dan belum menerima bantuan daripada mana-mana pihak. Majlis Perbandaran Taiping menyasarkan 125 orang pelajar sekolah di sekitar Daerah Larut Matang sebagai penerima kit bantuan peralatan sekolah bagi tahun 2021.

Sehubungan dengan itu, setiap Ahli Majlis adalah dimohon untuk menyenaraikan lima (5) orang pelajar sekolah yang berkeelayakkan bagi tujuan program ini. Barang persekolahan yang disumbangkan adalah seperti beg sekolah, alat tulis dan buku latihan. Nama-nama pelajar sekolah perlu dihantar kepada Encik Muhammad Hafizzuddin bin Azhar, Bahagian Korporat, Perhubungan Awam dan Pelancongan pada atau sebelum **28 Disember 2020** bagi tindakan pelarasan.

**4.0 ALLAHYARHAMAH TUN HAJAH RAHAH TAN SRI
MOHAMED NOAH WANITA UNGGUL SEPANJANG ZAMAN**

Tanggal 18 Disember 2020, hari Jumaat, penghulu segala hari. Allahyarhamah Tun Hajah Rahah Tan Sri Haji Mohamed Noah, isteri kepada Perdana Menteri Kedua, Allahyarham Tun Haji Abdul Razak Hussein meninggal dunia pada usia 87 tahun sekitar jam 4.30 petang di Pusat Perubatan Prince Court, Kuala Lumpur. Allahyarhamah merupakan sumber kekuatan, keberanian dan inspirasi keluarganya serta seluruh rakyat Malaysia. Dalam peringkat memastikan wanita diiktiraf di peringkat yang lebih tinggi, Allahyarhamah telah memegang beberapa jawatan dalam persatuan wanita yang menjadi contoh kepada pemimpin wanita pada hari ini.

Saya mewakili warga kerja Majlis Perbandaran Taiping merakamkan Salam Takziah kepada anggota keluarga Allahyarhamah. Kami mendoakan agar roh Allahyarhamah ditempatkan dikalangan orang beriman dan wanita solehah.

Al-Fatihah.